



Berita PESUTM

Berita Persatuan Pesara Universiti Teknologi Malaysia

Berita ini dinamakan "Berita PESUTM". Penamaan nama ini selari dengan hasrat berita ini menjadi wadah penyampaian maklumat kepada ahli berhubung aktiviti yang dilakukan PESUTM. Berita PESUTM ini diterbitkan secara tak tetap, iaitu keperluan penerbitannya disandarkan betapa pentingnya sesebuah program yang dianjurkan itu perlu diuarkan-uarkan kepada ahli. Oleh sebab itu, kaedah penomboran bilangan dicatatkan secara berturutan dalam bulan /tahun. Selain itu, terbitan Berita PESUTM ini hanya dalam bentuk digital.



Butiran Gambar | Seramai 12 Ahli Jawatankuasa Persatuan Pesara UTM sesi 2023 - 2025 menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa PESUTM Bil. 2/2023 yang dipengerusikan Yang DiPetua PESUTM YBhg Datuk Prof. Emeritus Dr. Ahmad Darus bertempat di Bilik Mesyuarat Penerbit UTM Press.

Mesyuarat Jawatankuasa PESUTM Bil. 2/2023

UTM Skudai | 21 Jun 2023 Jam 9.00 pagi

Mesyuarat Jawatankuasa PESUTM Bil. 2/2023 dihadiri 12 ahli dipengerusikan oleh Yang DiPertua PESUTM Prof. Emeritus Datuk Dr Ahmad Darus. Dalam mesyuarat ini fokus membincangkan persediaan bagi mengadakan Bengkel Pemurnian Hala Tuju Persatuan Pesara UTM yang dijadualkan akan diadakan pada 11 Julai 2023. Tujuan bengkel nanti bertitik tolak peranan PESUTM yang perlu dimainkan selari dengan matlamat penubuhan PESUTM dan Perlembagaan PESUTM.

Dalam konteks pesara satu istilah cukup dominan ialah kualiti hidup. Sesiapa juga pesara pasti mengimpikan kualiti hidup sekalipun tidak lebih baik sebelum bersara tetapi dapat mengekalkan kualiti hidup yang dinikmati sebelumnya. Kualiti hidup ini dipengaruhi oleh angkubah seperti aspek ekonomi, kesihatan, penyertaan sosial, hubungan sosial, sokongan sosial, kesejahteraan sosial dll.

Di sini hanya menyentuh "penyertaan sosial" bagi pesara. Penyertaan sosial bermaksud pesara boleh berhubung dengan pasara lain dalam konteks sukarelawan, kerja amal, pendidikan, sukan, kelab sosial, komuniti dan termasuklah berpesatuan - bermesyuarat. Melalui aktiviti ini pesara dapat memberi buah fikir, pengalaman, khidmat memajukan persatuan selain dapat mengekalkan identiti personel, keyakinan diri, kepuasan bahkan kesejahteraan hidup seseorang pesara.







Berita PESUTM

Berita Persatuan Pesara Universiti Teknologi Malaysia

Berita ini dinamakan "Berita PESUTM". Penamaan nama ini selari dengan hasrat berita ini menjadi wadah penyampaian maklumat kepada ahli berhubung aktiviti yang dilakukan PESUTM. Berita PESUTM ini diterbitkan secara tak tetap, iaitu keperluan penerbitannya disandarkan betapa pentingnya sesebuah program yang dianjurkan itu perlu diuarkan-uarkan kepada ahli. Oleh sebab itu, kaedah penomboran bilangan dicatatkan secara berturutan dalam bulan/tahun. Selain itu, terbitan Berita PESUTM ini hanya dalam bentuk digital.



Butiran Gambar | Seramai 21 Ahli Jawatankuasa Persatuan Pesara UTM sesi 2023 - 2025 & Ahli Biro PESUTM menghadiri Sesi Bengkel Pemurnian Hala Tuju Persatuan Pesara UTM yang turut dihadiri oleh Yang Dipertua PESUTM YBhg Datuk Prof. Emeritus Dr. Ahmad Darus bertempat di CTDL UTM.

Bengkel Pemurnian Hala Tuju PESUTM

CTLD UTM : 11 Julai 2023 Pusat Latihan UTM

Persatuan Pesara UTM hari ini mengadakan sesi Bengkel Pemurnian Hala Tuju bertempat di Pusat Pembangunan Bakat dan kepimpinan (CTLD) UTM Skudai. Seramai 21 orang ahli jawatankuasa dan biro hadir dalam sesi bengkel pemurnian ini yang turut disertai Yang Berbahagia Prof Emeritus Dato' Dr Ahmad Darus selaku Yang Dipertua PESUTM .

Tuan Haji Mohd Salleh Mohamed selaku Timbalan Yang Dipertua PESUTM dari Smart Consultant Resources menjadi fasilitator. Bengkel sehari ini sarat dengan sesi percambahan minda dengan matlamat mampu membincangkan aspek (1) Menilai program yang pernah dijalankan (2) Mengukur potensi persatuan (3) Mengenal pasti syarat faktor kejayaan program (4) Menentukan program yang perlu dijalankan (5) Memilih strategi pelaksanaan program (6) Menentukan agihan sumber (7) Menentukan sasaran KPI program (8) Menyediakan pelan penjanaan dana umum & dana kebajikan (9) Menyediakan pelan usahasama program latihan (10) Menyediakan pelan usahasama perniagaan (11) Menyediakan kertas kerja Mesyuarat Pengurusan Universiti.

Pandangan dan cadangan yang diperoleh hasil bengkel sehari ini akan diteliti dan dimurnikan semula dalam mesyuarat yang bakal diadakan dalam waktu terdekat. Dapatkan yang perlu diberikan perhatian ialah mencari dana/kewangan terutama dalam perniagaan; perikanan, ternakan, sukan, menggerakkan tabung kebajikan menerusi sumbangan - alumni pesara, sumbangan jumaat, sumbangan ahli dari aktiviti ekonomi yang dijalankan dari semasa ke semasa.



Isu berhubung kebajikan ahli yang merentas aspek kesihatan juga memerlukan perhatian yang serius. Selain itu, isu kelemahan keternampakan persatuan juga bakal diberikan sentuhan. Juga aspek hubungan persatuan dengan persatuan dalam dan luar juga menagih dorongan untuk digerakkan oleh AJK PESUTM.

Bengkel tamat jam 5.00 ptg dengan ucapan penutup oleh Yang Berbahagia Prof Emeritus Dato' Dr Ahmad Darus selaku Yang Dipertua PESUTM.











Berita PESUTM

Berita Persatuan Pesara Universiti Teknologi Malaysia

Berita ini dinamakan "Berita PESUTM". Penamaan nama ini selari dengan hasrat berita ini menjadi wadah penyampaian maklumat kepada ahli berhubung aktiviti yang dilakukan PESUTM. Berita PESUTM ini diterbitkan secara tak tetap, iaitu keperluan penerbitannya disandarkan betapa pentingnya sesebuah program yang dianjurkan oleh perlu diuarkan-uarkan kepada ahli. Oleh sebab itu, kaedah penomboran bilangan dicatatkan secara berturutan dalam bulan /tahun. Selain itu, terbitan Berita PESUTM ini hanya dalam bentuk digital.



Sesi berfoto | tengah Puan Nor Azizah Ismail, Pendaftar UTM, universiti diwakili oleh En.Helmee bin Yaacob, dan En.Abd Rahman bin Hamzah, UTMD Pn. Sabrina binti Ibrahim, BPO. Manakala Persatuan Pesara UTM diwakili Hj. Zainul Rashid bin Abu Bakar, Hj. Ismaal Samat dan Hj Mohd Noh Main

Program Tazkirah Pesara "Al-Quran Teman Sejati"

Kediaman Ustaz Selamat | 7 Jun 2023

Program Tazkirah Pesara Bersama YBhg. (Dr) Ustaz Selamat Hashim secara maya menerusi Google Meet telah bermula pada Oktober 2022. Sehubungan dengan itu, pihak PESUTM berbesar hati menyampaikan suguhan sebagai tanda menghargai khidmat yang diberikan oleh YBhg (Dr.) Ustaz Selamat. Pada tahun ini (2023) jadual program ialah pada Isnin malam Selasa di minggu pertama dan kedua setiap bulan. Penyertaan terbuka kepada semua pesara samada ahli atau bukan ahli PESUTM.



Pemantapan Sitem e-Pesara

Pejabat Pendaftar UTM | 28 Mei 2023

Persatuan Pesara UTM (PESUTM) telah mengadakan Sesi Perbincangan Pengurusan Sistem e-Pesara dengan pihak Universiti. Perbincangan ini dipengerusikan oleh Puan Nor Azizah Ismail, Pendaftar UTM. Wakil universiti yang terlibat secara langsung dalam membangunkan e-Pesara ialah En. Helmee bin Yaacob, dan En.Abd Rahman bin Hamzah, kedua-duanya dari UTMD. Manakala Pn. Sabrina binti Ibrahim (wakil Puan Hartini Darsono), BPO. Persatuan Pesara UTM pula diwakili oleh Hj. Zainul Rashid bin Abu Bakar, Hj. Ismaal Samat dan Hj Mohd Noh Main.

Fokus perbincangan menujui matlamat menambah baik Sistem e-Pesara menjadi lebih komprehensif dari segi penggunaan dan kandungan maklumat yang disediakan.

Memandangkan projek pembangunan e-Pesara ini dibangunkan sejak tahun 2016 justeru antara keputusan perbincangan yang memerlukan perhatian dan tindakan segera dan sesungguhnya ialah BPO menyelaraskan perbincangan untuk mengemas kini hala tuju Sistem e-Pesara bagi membolehkan pembangunan melibatkan kerjasama semua pihak yang berkaitan dan berkepentingan dalam menggunakan maklumat secara sistematis.